



SIARAN MEDIA

MAKLUMAN PELANTIKAN TUAN HJ.SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR, YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Yang Berusaha Tuan Hj. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor telah dilantik sebagai Yang Dipertua MPS ke-7 menggantikan Yang Berusaha Tuan Suliman bin Abd Rahman yang telah berpindah ke Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Satu Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Yang Dipertua telah diadakan di Bilik Mesyuarat Siantan, MPS pada hari ini dengan disaksikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak, Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah jabatan. Beliau yang sebelum ini merupakan Pegawai Daerah di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat mempunyai pengalaman hampir 21 tahun di dalam pentadbiran awam

Dalam ucapan ketika Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan, beliau menyatakan hasrat untuk memastikan MPS menyediakan perkhidmatan perbandaran terbaik kepada masyarakat. Beliau juga menekankan tentang kepentingan kerjasama daripada pembayar cukai untuk membuat pembayaran cukai taksiran bagi membolehkan MPS menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

Selain itu fokus akan turut diberi terhadap isu-isu sampah, infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan raya, longkang dan lain-lain lagi. Beliau mengharapkan Ahli-Ahli Majlis MPS dapat menyalurkan maklumat dan aduan bagi membolehkan MPS membuat tindakan.

Beliau juga akan memberi penekanan kepada tempat-tempat yang mempunyai potensi sebagai kawasan perlancongan untuk dinaiktaraf dan dimajukan lagi seperti di Taman Ekstrem Gua Damai, Taman Rimba Bukit Lagong, HUTLISTA, Kolam Air Panas Selayang dan lain-lain lagi. Beliau percaya sekiranya segala infrastruktur dan kemudahan sedia ada ini dimajukan, MPS mampu menjadi satu destinasi pelancongan.

MPS berharap di bawah kepimpinan beliau, MPS dapat terus maju berdaya saing untuk menjadi sebuah perbandaran yang mampan, progresif dan sejahtera.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah
Jabatan Korporat
b/p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 1 Oktober 2019